

Mencipta Kebimbangan Daripada Kes Rogol

Bermacam-macam idea dikeluarkan sehingga kita semua hilang kredibiliti

SAYA sangat tertarik dengan hujah yang diberikan oleh penerbit Edisi Siasat ntv7, Zainal Rashid Ahmad bahawa sesetengah daripada kita tidak matang menguruskan ketakutan yang melanda rakyat. Kata Zainal, sesetengah pihak bukan meredakan ketegangan atau kebimbangan apabila berlaku sesuatu tragedi tetapi menambahkan kebimbangan.

Zainal merujuk kepada reaksi luar biasa pelbagai lapisan masyarakat terhadap tragedi rogol dan bunuh yang dialami oleh kanak-kanak Nurul Huda Abdul Ghani di Johor baru-baru ini. Kes itu mendapat liputan yang meluas dan reaksi yang hebat.

Bagi orang ramai, mereka bebas meluahkan emosi sehingga sesetengah cadangan untuk membanteras jenayah rogol menjadi sangat tidak masuk akal. Kita faham bahawa ini adalah satu reaksi spontan daripada orang ramai yang marah terhadap penjenayah itu. Dari satu aspek ini juga memperlihatkan keprihatinan mereka terhadap apa yang berlaku kepada orang lain.

Tetapi apabila cadangan yang serupa datang daripada pihak yang mempunyai kredibiliti untuk bercakap tentang isu tersebut, inilah sebenarnya yang membimbangkan kita. Ia bukan lagi kebimbangan terhadap jenayah rogol. Sebaliknya kita risau dengan ledakan emosi yang tidak langsung menunjukkan mereka matang menangani masalah.

Tanyalah kepada siapa saja yang waras tidak kira apa bangsa atau agamanya, tragedi yang menimpa Nurul Huda yang berusia sepuluh tahun itu mengundang kemarahan. Hanya mereka yang tidak berperikemanusiaan yang melihat dan mendengar tanpa apa-apa rasa. Tetapi pada masa yang sama kita juga wajar menjadi waras dalam menangani isu-isu begini supaya masyarakat tidak dibebani dengan kebimbangan yang lahir daripada emosi pihak lain yang tidak terkawal.

Isu jenayah rogol ini bukan saja tidak diuruskan dengan matang dan bertanggungjawab malah sesetengah pihak seolah-olah memperemehkan tragedi ini. Hal ini jelas apabila tercetus cadangan-cadangan mengarut oleh mereka yang mempunyai kredibiliti untuk memberi pendapat. Ini sebenarnya sindrom baru yang melanda sesetengah daripada kita.

Dalam kolom Cetusan Minda oleh Dr. Ismail Ibrahim dalam *Mingguan Malaysia* 22 Februari lalu, beliau mengingatkan jangan sampai kita kembali kepada menghukum pesalah cara kampung. Mesej yang diberikan oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan ini sangat jelas supaya cadangan membanteras jenayah rogol bukan sekadar cadangan tetapi kewajaran.

Untuk melahirkan satu cadangan yang praktikal, matang dan waras inilah yang sukar. Kerana itu semua orang boleh memberikan cadangan, apa lagi yang menyentuh isu kepentingan ramai. Tetapi wajar diingat tidak semua cadangan, misalnya membanteras jenayah rogol, boleh diambil kira sebagai jalan penyelesaian. Tetapi ia menjadi satu kebuntuan.

Kepada mereka yang membaca tulisan Dr. Ismail tentu mereka dapat merasakan kebimbangan beliau terhadap cadangan menghukum pesalah jenayah ini yang tidak menjurus

kepada membaik pulihkan keadaan. Moga-moga selepas ini tidak ada lagi yang terlalu beremosi apabila memberi pendapat mengenai isu jenayah rogol.

Dalam satu forum mengenai kaedah membanteras jenayah rogol baru-baru ini, seorang ahli panel telah mengemukakan cadangan supaya perogol dipotong tangannya. Alasannya tangan orang itulah yang membawa kepada jenayah rogol. Kita tentu saja risau, bukan saja bimbang kejadian rogol dan bunuh yang semakin menggila tetapi khuatir dengan keremehan mengemukakan cadangan seperti ini.

Barangkali inilah yang dimaksudkan oleh Dr. Ismail tentang hukuman cara kampung yang tidak banyak membantu menyelesaikan masalah. Tidak semua masalah boleh diselesaikan dengan melipatgandakan hukuman. Tetapi ini bukanlah bermakna pesalah terlepas daripada hukuman.

Hukuman terhadap jenayah rogol yang sedia ada sudah memadai. Malah ternyata hukuman yang berat sekarang ini bukan menakutkan si perogol. Lalu hukuman memang perlu tetapi barangkali ada kaedah lain yang boleh difikirkan lebih berkesan untuk mengatasi jenayah seksual ini.

Lihat saja apa hukumannya terhadap pengedar dadah? Ia boleh membawa kepada hukuman gantung sampai mati. Tetapi ternyata hukuman itu bukan menakutkan pengedar. Dalam konteks ini apakah hukuman sebat di depan khalayak atau potong tangan lebih menakutkan daripada hukuman gantung?

Tetapi banyak yang percaya bahawa jenayah rogol menjadi bualan ramai tidak lebih sebagai isu bermusim. Percayalah selepas ini apabila muncul isu baru, lahir pula cadangan baru untuk membanteras isu yang hangat itu. Maka mereka akan terlupa bahawa jenayah rogol yang hangat itu diganti dengan isu baru yang barangkali lebih hangat. Mereka retorik lagi dengan cadangan-cadangan yang maha mengarut, tidak masuk akal dan tidak bertanggung jawab.

Jenayah rogol, misalnya, daripada 783 kes pada tahun 2000 bertambah kepada 988 pada tahun lalu. Dari segi statistik memang ada pertambahan tetapi bukan mendadak hingga membuatkan kita hilang kewarasan untuk menanganinya. Statistik yang dicatatkan ini tidak wajar menjadi faktor kita mengemukakan cadangan-cadangan yang seolah-olah mempersendakan isu itu.

Semua ini bukan bermakna kita menghalalkan tragedi yang berlaku kepada Nurul Huda. Sama sekali bukan begitu. Semua orang bersedih dan marah. Tetapi pada masa yang sama kita kena bertanggungjawab memberikan cadangan-cadangan yang matang untuk mengatasi tragedi itu daripada berulang.

Membanteras dengan hukuman memang salah satu kaedahnya. Tetapi agak menghairankan paling sedikit yang melihat jenayah ini dari sudut lain misalnya krisis sosial yang melanda masyarakat hari ini. Mengamati krisis sosial dan mencari jalan penyelesaian daripada aspek ini juga penting untuk mengurangkan apa juga bentuk jenayah. □